



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 23 NOVEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI SAHUT CABARAN TAHUN 2021, NASIONAL, SH -9	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	RAMPAS 1,440KG BUAH, SAYUR SELUDUP, LOKAL, HM -4	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	1,440KG KELUARAN PERTANIAN DIRAMPAS, NEGERI KEDAH/KELANTAN, SH -27	
4.	AWAS, AKTIVITI SELUDUP MASUK DAGING LEMBU TIDAK HALAL, NASIONAL, SH -14	
5.	KRONOLOGI, NASIONAL, SH -15	
6.	USAHAWAN MUDA MERSING TERNAK IKAN KELAH BIRU, IGEN, KOSMO -30	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	HOW DOES AGRICULTURE 'FEED' OUR NATION?, STARBIZ, THE STAR -3	AGROBANK
8.	RUGI PULUHAN RIBU ANAK PADI ROSAK, NEGARA, KOSMO 12	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK)
9.	LEBIH 200 NELAYAN AMBIL INISIATIF JAGA SUNGAI PERAK, JAGA SUNGAI KITA, BH -23	LAIN-LAIN
10.	MONSOON WOES FOR FARMERS, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3	
11.	NELAYAN TRADITIONAL TIDAK TURUN KE LAUT, PANTAI TIMUR, HARAKAH -N14	
12.	BENDANG TENGGELAM KALI KETIGA, DALAM NEGERI, UM -13	
13.	10 HEKTAR SAWAH ROSAK, DALAM NEGERI, UM -13	
14.	CUACA BURUK, HUJAN LEBAT DIJANGKA BERTERUSAN, NASIONAL, BH -18	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MAFI sahut cabaran tahun 2021



RONALD KIANDÉE



AHMAD TARMIDZI



KHADIJAH



DR NORLIZAN



MOHD NASIR

Semua agensi di bawah MAFI main peranan pastikan bekalan makanan terjamin

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan terus memainkan peranan penting dalam melaksanakan Belanjawan 2021 dengan efektif bagi memastikan sektor agromakanan dapat ditingkatkan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, kerajaan akan sentiasa melaksanakan semua program dan inisiatif kesejahteraan rakyat yang diumumkan secara efisien.

"Saya juga telah minta supaya semua agensi di bawah kementerian ini termasuk Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Veterinar dan Agrobank supaya terus memainkan peranan bagi memastikan keterjaminan bekalan makanan."

"Peranan semua pihak diyakini mampu menyumbang kepada perkembangan industri agromakanan negara dan meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia," kata beliau.

Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Mohd Nasir Warris menyifatkan peruntukan sebanyak RM76.575 juta untuk jabatannya sebagai permulaan yang baik dalam memenuhi aspirasi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) bagi sektor agromakanan.

Menurutnya, Jabatan Pertanian melaksanakan insentif, bantuan dan galakan secara bersasar bagi memastikan setiap peruntukan dimanfaatkan sepenuhnya oleh petani yang benar-benar layak.

"Untuk itu, Jabatan Pertanian telah menjalankan penilaian pada peringkat daerah oleh Pegawai Pertanian Daerah."

"Kemudian, penilaian pada peringkat Jabatan Pertanian Negeri dilakukan

apabila semua permohonan dikumpulkan dan penilaian terakhir peringkat Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Putrajaya bagi memastikan permohonan memenuhi syarat serta keperluan projek yang ditetapkan," katanya kepada *Sinar Harian* di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, Jabatan Pertanian Putrajaya melalui Bahagian Perancangan Strategik juga akan memantau di lapangan secara berkala bagi memastikan laporan kemajuan projek setiap bulan adalah selari dengan aktiviti di lapangan.

"Jabatan Pertanian Negeri akan membuat proses perolehan mengikut skop dan keperluan yang telah diluluskan berdasarkan tatacara kewangan kerajaan serta menyalurkan bantuan atau insentif itu terus kepada petani melalui Pejabat Pertanian Daerah," katanya.

Potensi

Mohd Nasir berkata, sektor agromakanan mempunyai potensi besar kerana populasi rakyat Malaysia dan dunia dijangka bertambah, sekali gus memerlukan bekalan makanan yang mencukupi.

"Sektor ini bukan lagi sekadar sektor sara diri tetapi mampu mewujudkan peluang pekerjaan dan hasil lumayan yang berpotensi untuk dieksport ke pasaran antarabangsa," katanya.

Dalam pada itu, peruntukan sebanyak RM1.7 billion dalam bentuk subsidi, bantuan dan insentif kepada petani, penternak serta nelayan juga mendapat reaksi positif Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, Ahmad Tarmidzi Ramly.

Menurutnya, elau sara hidup nelayan yang akan dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 sebulan bermula pada tahun 2021 pastinya mengembirakan lebih 40,000 nelayan di seluruh Malaysia.

"Industri perikanan turut menerima sebanyak RM150 juta bagi Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan serta RM10 juta untuk Program Pengembangan Akuakultur."

"Jabatan optimis menyalurkan pe-

PERUNTUKAN AGROBANK

- Bantuan Pembayaran Balik Bersasar untuk B40 dan M40 serta Bantuan Sara Hidup (BSH) yang mempunyai pembiayaan hingga RM150,000.
- RM150 juta untuk Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan dengan tawaran pembiayaan sehingga RM5 juta pada kadar 3.5 peratus bagi tempoh 10 tahun.
- Dana berjumlah RM60 juta untuk Program Modernisasi Rantalan Nilai Agromakanan dengan tawaran pembiayaan sehingga RM1 juta pada kadar 3.5 peratus bagi tempoh 10 tahun.

runtukan kepada kumpulan sasar melalui sistem pelesenan sedia ada bagi perikanan tangkapan dan pendaftaran penternak akuakultur untuk ternakan ikan," katanya.

Beliau berkata, bagi Program Pemodenan Vesel dan Mekanisasi Tangkapan, peruntukan akan disalurkan melalui Agrobank.

"Jabatan Perikanan bersama Agrobank telah mengadakan beberapa siri perbincangan untuk membantu serta memberi kemudahan kepada nelayan menjangkakan kaedah penangkapan ikan moden."

"Pihak Agrobank mempunyai Skim Pembiayaan Bot Perikanan-i (SPBP-i) yang membolehkan pemohon mendapat had pembiayaan sehingga 90 peratus daripada kos projek pembinaan vesel moden dengan kadar faedah sebanyak 3.75 peratus bagi tempoh 10 tahun," katanya.

Ahmad Tarmidzi berkata, garis panduan Sistem Penyampaian Khidmat Sokongan (SPEKS) Akuakultur untuk penyaluran bantuan kepada golongan sasar telah diperkenalkan bagi memastikan penyaluran bantuan kepada kumpulan sasaran dilaksanakan dengan cekap dan telus.

Sementara itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memperoleh peruntukan sebanyak RM278.06 juta bagi tujuan pembangunan dalam RMK12 (siling peruntukan untuk lima tahun dari 2021 hingga 2025).

Ketua Pengarah, Datuk Dr Norlizan Mohd Noor berkata, daripada peruntukan itu, sebanyak 21.7 peratus bagi tujuan projek sambungan daripada RMK11, manakala 78.3 peratus lagi diperuntukkan untuk cadangan 15 projek baru dalam RMK12.

Prihatin

"Bagi RP1 (tahun 2021), JPV diperuntukkan sebanyak RM31.6 juta dengan agihan RM12 juta untuk meneruskan dua projek sambungan daripada RMK11 dan selebihnya RM19.6 juta untuk tujuan cadangan projek baharu."

"JPV berterima kasih kerana peruntukan dua projek penting sambungan daripada RMK11 merupakan projek bercirikan *people centric* bagi menyiapkan sembilan unit lagi ladang ternakan tenusu untuk sembilan peserta usahawan lembu tenusu berskala semi komersial," katanya.

Penanggung Tugas Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar pula berkata, Agrobank menekankan beberapa inisiatif untuk memberi manfaat kepada komuniti agro.

Menurutnya, ia melibatkan semua kaum serta segmen utama seperti perusahaannya kecil dan sederhana (PKS) serta kedua-dua kumpulan pendapatan B40 dan M40.

"Inisiatif ini merangkumi peruntukan RM95 juta menerusi Program Pembiayaan Mikro Kredit Khas khusus untuk memperkasakan usahawan wanita yang akan disalurkan melalui Agrobank dan agensi kerajaan lain."

"Kami menyokong inisiatif kerajaan menyediakan pembiayaan modal kerja kepada usahawan wanita, sekali gus membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada mereka sepanjang mendepani Covid-19," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/11/2020	HARIAN METRO	LOKAL	4

Rampas 1,440kg buah, sayur seludup

Padang Besar: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Perlis merampas 1,440 kilogram (kg) buah-buahan dan sayuran tanpa permit import bernilai RM9,450, Jumaat lalu.

Rampasan dilakukan di Unit Kargo Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Padang Besar di sini.

Pengarah Maqis Perlis, Mohamad Arshad Raffin berkata, susulan itu pihaknya menahan dua lelaki bagi membantu siasatan.

“Antara yang dirampas adalah pisang, mangga, na-

nas, cili besar, ubi kemili, ubi sengkung dan bijirin berupa kacang.

“Semua barangan berkenaan cuba dibawa masuk ke negara ini dengan lori oleh dua lelaki berusia 30-an,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, tindakan membawa masuk produk pertanian tanpa permit adalah salah dan berisiko ke atas keselamatan makanan negara.

Menurutnya, barangan itu dirampas dan kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 11(1), Akta Maqis 2011.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/11/2020	SINAR HARIAN	NEGERI KEDAH/ KELNTAN	27

1,440kg keluaran pertanian dirampas

PADANG BESAR - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Perlis mematahkan cubaan membawa masuk keluaran pertanian seberat 1,440 kilogram (kg) tanpa permit yang sah di Unit Kargo Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di sini kemarin.

Pengarah Maqis Perlis, Mohamad Arshad Raffin berkata, rampasan hasil pertanian seperti pisang, mangga, nanas, cili besar dan ubi kemili yang dianggarkan bernilai RM9,450 itu susulan pemeriksaan terhadap dua buah lori dari negara jiran.

“Kesemua dagangan tersebut telah dirampas oleh pihak Maqis untuk tindakan lanjut.

“Perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit import itu akan disiasat di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta sama,” katanya dalam kenyataan semalam.

Mohamad Arshad berkata, seksyen itu memperuntukkan hukuman denda tidak lebih RM100,000 atau penjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Katanya, Maqis sentiasa komited memastikan setiap keluaran pertanian yang masuk ke dalam negara ini mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan bagi menjamin keselamatan makanan, bebas daripada perosak dan penyakit serta halal. - *Bernama*

Awas, aktiviti seludup masuk daging lembu tidak halal



Beberapa pekerja warga asing melakukan kerja pembungkusan dalam sebuah kilang di Selangor.

Kartel kaut untung besar palsukan dokumen, iktiraf daging kononnya ada kelulusan Jakim



Demi mengaut keuntungan berlipat kali ganda, terdapat syarikat ejen fret (*freight forwarder*) yang dipertanggungjawab menguruskan proses pengimportan daging sejuk beku halal, mengambil jalan mudah mengimport daging sejuk beku dari negara yang tidak menerima kelulusan sah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Kegiatan yang berlaku sejak beberapa tahun lalu itu didakwa mendapat bantuan daripada 'orang dalam' di pintu masuk negara apabila kebanyakan daging sejuk beku import itu dibawa masuk menggunakan dokumen palsu.

Menurut sumber, kebanyakan daging sejuk beku yang tidak mendapat pengiktirafan halal itu diimport dari benua Amerika melalui pelabuhan utama negara.

"Kartel ini sanggup mengadaikan status halal daging sejuk beku berkenaan atas faktor harga daging yang diimport dari benua Amerika yang jauh lebih murah," kata sumber itu kepada *Sinar Harian* baru-baru ini.

Kata sumber itu lagi, bagi

mengelak kegiatan 'gelap' itu dikesan, kartel berkenaan turut mendapatkan bekalan daging sejuk beku dari negara yang diiktiraf Jakim seperti Australia dan New Zealand.

Lebih licik, kontena yang membawa muatan daging terbahit berjaya dibawa masuk tanpa sebarang 'gangguan' di pelabuhan.

Kartel terbabit didakwa turut menyogok sejumlah wang kepada pihak berkuasa yang bertanggungjawab mengawal selia keluar masuk kontena di pelabuhan.

Menurut sumber itu, setelah daging sejuk beku tersebut berjaya melepasi pemeriksaan di pelabuhan, daging itu akan dimuatkan dalam lori kontena sebelum dibawa ke sebuah kilang yang dikawal ketat di Selangor.

"Kilang itu memiliki beberapa pekerja warga asing yang berperanan melakukan kerja pembungkusan semula daging sejuk beku sebelum diedarkan di pasar raya seluruh negara."

"Kartel ini amat arif dan teliti dengan menghasilkan kotak serta pelekat ketulenan yang



Kardel daging sejuk beku yang dipercayai dibawa masuk daripada negara yang tidak diiktiraf status halalnya.

serupa dengan pembungkusan daging yang sah halalnya. Sebagai contoh, mereka menghasilkan sendiri kotak dengan jenama daging sejuk beku halal dan pelekat halal berserta logo Jakim," katanya.

Melalui maklumat yang diperolehi katanya, beratus-ratus kontena yang membawa keluar daging sejuk beku berjaya me-

pasi pemeriksaan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Tidak dinafikan, daging-daging yang dicurigai status halalnya itu telah dijual di pasar raya dan pasar awam," katanya.

Tambah sumber itu, kartel terbabit hanya perlu menyediakan dokumen lengkap selain mengguna nama syarikat proksi yang mengedarkan daging sejuk beku halal selain memastikan kondisi daging dalam keadaan baik bagi meyakinkan pengusaha pasar saya mengambil bekalan daging yang kononnya halal itu.

Semasa proses terbabit, katanya, tiada ketelitian dalam menilai halal atau haram.

"Kegiatan itu amat menjijikkan apabila daging atau bahagian anggota lain seperti ekor, paru, tulang, dan perut diperolehi daripada sumber loji penyembelihan luar negara yang tidak mendapat kelulusan Jakim lolos di pasaran kita," katanya.

Menurut sumber itu, sebelum ini isu pemalsuan sijil halal



Keadaan dalam kilang yang melakukan pembungkusan daging sejuk beku di Selangor.

23/11/2020

SINAR
HARIAN

NASIONAL

15

daging sejuk beku yang diimport pernah terjadi pada tahun 2017.

"Malah ada kes penyeludupan daging dari Sepanyol yang dikesan bercampur dengan daging babi," katanya.

Maklumat

Sementara itu, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) mendedahkan pernah menerima maklumat berkaitan pengimportan daging sejuk beku dari negara yang diragui status halalnya.

Ketua Aktivisnya, Datuk Nadzim Johan berkata, isu berkenaan jika dibiarkan akan memberi kesan besar kepada pengguna Islam.

Nadzim berkata, pihaknya ada maklumat dari segi penghantaran, kilang terlibat dan sebagainya.

"Contohnya daging dibawa masuk dari Bolivia. Kalau diikutkan tidak boleh kerana isu pensijilan halal, ia perlu memiliki borang dan pengesahan tertentu untuk membawa muatan kontena masuk.

"Namun, apabila daging-daging ini masuk ke pelabuhan yang dikuasai oleh geng kartel, ia ditukar pembungkusannya dan diisytiharkan sebagai daging dari Australia kononnya halal. Salah satu kilang yang kita kesan ada di Selangor," katanya.

Beliau berkata, PPIM juga mengenal pasti kegiatan terbahit juga berlaku di beberapa negeri di utara tanah air.

Katanya, daging ini dibawa masuk tanpa cop pengesahan, namun berjaya diedar dan dijual di dalam negara.

"Lebih mengejutkan, pengedaran daging-daging ini menggunakan nama syarikat orang Islam bagi mengaburi mata pengguna," katanya.

Nadzim berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan ketirisan dalam kalangan pihak berkuasa di pelabuhan menyebabkan kegiatan itu berlaku.

Katanya, pihak berkuasa termasuk Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) perlu menyiasat perkara itu.

"Kita juga mahu pihak berwajib seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia dan Jakim bertindak tegas.

"Mereka (kartel) membolot untung besar luar biasa kerana daging itu diperolehi dengan harga yang murah berbanding daging sah," katanya.

Nadzim berkata, pihaknya juga percaya kartel itu juga mengimport daging babi dan lembu serentak dan daging-daging itu disimpan di tempat simpanan yang sama.

"Bila orang Islam makan makanan yang tidak halal, jiwa jadi huru-hara, tidak tenang dan seumpamanya," katanya.



SAIFUL YAZAN

Pemeriksaan

Maqis memandang serius isu berkenaan jika kegiatan terbahit benar-benar berlaku.

Ketua Pengarahnya, Saiful Yazan Alwi berkata, agak mustahil pengimportan seperti itu boleh lepas melalui pintu sah negara kerana pemeriksaan ketat dilakukan oleh Maqis.

"Perkara itu boleh berlaku jika daging sejuk beku ini dibawa masuk melalui jalan tidak sah," katanya.

Menurutnya, sekiranya tiada sijil halal yang diiktiraf Jakim serta sijil kesihatan veterinar yang diluluskan, daging berkenaan tidak dibenarkan dibawa masuk.

"Sijil kesihatan veterinar amat penting untuk memastikan loji sembelihan di luar negara itu adalah bersih dan sah.

"Berkenaan kes sedemikian, Maqis tidak menerima aduan secara rasmi lagi. Namun, sekiranya ada maklumat siasatan dibuat segera dengan kerjasama agensi penguat kuasa berkaitan. Maklumat sedemikian amat diperlukan," katanya.

Tegasnya, tindakan undang-undang kepada pengimport boleh dikenakan di bawah Seksyen 11 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang jika sabit kesalahannya boleh didenda RM100,000 dan penjara enam tahun.

Saiful Yazan berkata, jumlah kuantiti daging sejuk beku yang telah disita, dilucut hak dan dirampas pada tahun ini adalah sebanyak 153,029 kilogram yang terdiri daripada daging lembu, ayam dan kambing yang diimport atau dieksport di semua pintu masuk negara.

"Sitaan dibuat kerana pengimportan atau pengeksportan komoditi daging tersebut dibuat tanpa permit yang sah.

"Semasa pemeriksaan, terdapat maklumat yang mengelirukan pada dokumen import atau eksport atau berlaku keahadiran penyakit atau perosak. Malah sitaan itu dibuat kerana semasa pengimportan atau pengeksportan, ia tidak mematuhi syarat import iaitu seperti ketiadaan sijil kesihatan veterinar atau sijil fitosanitasi atau sijil halal," katanya.

Menurutnya, tiga perempat daripada daging sejuk beku yang dirampas telah disumbangkan kepada Zoo Negara, Zoo Melaka dan Zoo Taiping serta kepada projek-projek kemasyarakatan termasuk industri ternakan ikan air tawar.



Timbunan kotak berisi ekor lembu sejuk beku tidak diiktiraf pengimportannya yang melepasi pemeriksaan di pintu masuk pelabuhan untuk bekalan muslim perayaan lalu.

KRONOLOGI

14 November 2017

BUTTERWORTH - Maqis Pulau Pinang merampas 10 kontena daging kerbau dari India bernilai RM3.5 juta yang cuba dibawa masuk melalui Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT).

Pengarah MAQIS Pulau Pinang, Zarina Ramli berkata, semua kontena daging kerbau yang tidak mematuhi syarat Permit Import itu cuba dibawa masuk secara berperingkat sejak 22 Oktober sehingga 14 November 2017.

17 Julai 2017

JOHOR BAHRU - Maqis mengesan cubaan menipu kandungan daging import selepas menyita empat kontena dipercayai berisi daging babi bercampur daging kambing dari Sepanyol dalam serbuan di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTPP), Gelang Patah.

Pengarah MAQIS Johor dan Melaka, Siti Nur Ahmad berkata, serbuan dilakukan hasil maklumat orang ramai dan pihaknya menyita bekalan daging bernilai kira-kira RM2 juta dengan anggaran 120 tan.

24 November 2019

RANTAU PANJANG - Seorang lelaki gagal menyeludup 50 kilogram daging babi ke negeri ini selepas ditahan anggota Maqis Kelantan di Kompleks Imigrasi, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (IKCS) Rantau Panjang.

Pengarah Maqis Kelantan, Mohd Azmi Yahya berkata, rampasan itu dilakukan pihaknya selepas melakukan pemeriksaan ke atas sebuah kenderaan jenis Toyota Unsur ketika melalui sekatan di IKCS Rantau Panjang.

22 Ogos 2018

RANTAU PANJANG - Maqis Kelantan merampas 3,600 kilogram ayam sejuk beku bernilai RM30,000 yang dipercayai diseludup masuk dari negara Iran di Pengkalan Harau, Jitong, Jeram Perdah kelmarin.

Dalam operasi jam 11.30 malam itu, sebuah lori dan van yang digunakan untuk mengangkut 300 kotak berisi ayam sejuk beku, berkenaan turut disita.

8 Ogos 2020

BUTTERWORTH - Daging kerbau sejuk beku seberat 27,996 kilogram dirampas ketika pemeriksaan di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT), Butterworth di sini.

Ia susulan penahanan sebuah kontena yang membawa produk daging kerbau sejuk beku dari India bernilai hampir RM436,000, pada jam 4.20 petang.

22 Oktober 2020

BUTTERWORTH - Maqis Pulau Pinang menggagalkan cubaan membawa masuk sebanyak 1,041 kotak daging babi sejuk beku di Pelabuhan Kontena Butterworth Utara (NBCT) Pulau Pinang.

Pengarahnya, Zarina Ramli berkata, dalam pemeriksaan pada jam 11.30 pagi itu, pihaknya mendapati barangan yang dibawa dari Jerman itu tidak mempunyai dokumen pengimportan yang sah daripada Maqis.



Kotak-kotak mengandungi daging sejuk beku dibawa masuk ke dalam kontena untuk dibawa ke kilang pembungkusan semula di Selangor.

iGen



AHMAD FARIS akan terus memelihara ikan kelah biru kerana ia amat bernilai tinggi.

Oleh **FARAHWAHIDA AHMAD**

IKAN kelah atau lebih dikenali sebagai Raja Sungai di negara ini telah menjadi buruan dan kegilaan kaid pancing dan pencinta ikan hiasan.

Tidak hairanlah bagi mereka yang sanggup meredah hutan belantara sehingga ke pedalaman hulu sungai bagi mendapatkan ikan tersebut.

Namun, ikan kelah biru atau *Tor duaronensis* adalah spesies yang sangat istimewa dan mendapat permintaan tinggi kerana begitu sukar ditemui di dunia dan populasinya dipercayai hanya berada di Taman Negara Endau Rompin sahaja.

Disebabkan kesukaran mendapatkannya telah mendorong seorang anak muda dari Mersing, Johor, Ahmad Faris Mohd. Hanafi, 26, mengusahakan ternakan serta pembenthan ikan kelah biru tersebut bersama bapanya sejak tahun 2012.

"Sejak lapan tahun lalu, ayah bersama saya telah mengusahakan ternakan ikan kelah ini. Bekalan benihnya diperolehi dari beberapa negeri.

"Bermula sebagai hobi dengan memelihara lebih kurang 100 ekor benih kelah, akhirnya ayah membuat keputusan untuk mengusahakan secara komersial dengan modal lebih RM350,000 untuk membina beberapa buah kolam simen," katanya.

Selanjutnya, anak jati Mersing, Johor itu terus berusaha mendapatkan benih kelah dari pelbagai sungai yang ada di negara ini sehinggalah menemui spesies kelah biru dari sungai Endau Rompin.

Tanpa diduga, kelah biru ini merupakan spesies yang paling istimewa, unik dengan sisik dan siripnya berwarna biru kegelapan dan sangat sukar ditemui.

"Selepas beberapa bulan diternak, ikan-ikan tersebut kelihatan begitu sihat dan cantik tanpa sebarang masalah serta sesuai diternak di dalam kolam simen walaupun dengan sumber air terhad.

"Pada tahun 2014, ayah telah menubuhkan syarikat Far East Planet yang menjadi penggerak kepada projek tersebut. Selain ternakan ikan, syarikat



IKAN kelah biru yang diperolehi kini dijaga untuk dijadikan induk dalam kolam sebelum dibuat penetasan.

Usahawan muda Mersing ternak ikan kelah biru



SPESES kelah biru adalah paling istimewa, unik dengan sisik dan siripnya berwarna biru kegelapan dan sangat sukar ditemui.

itu juga mengusahakan calet, kafe dan kolam memancing untuk tetamu sahaja," katanya.

Ahmad Faris yang banyak belajar daripada ayahnya berkata, sehingga kini, syarikat itu memiliki lebih kurang 30 buah kolam simen pelbagai saiz dan sebuah pusat penetasan ikan kelah dengan peningkatan modal lebih RM700,000.

Projek penternakannya juga telah mendapat bantuan daripada Jabatan Perikanan Negeri Johor melalui pelbagai geran berkaitan.

Menurutnya lagi, ikan-ikan kelah biru

yang diperolehi dari Endau Rompin itu kini dijaga untuk dijadikan induk dalam kolam sebelum dibuat penetasan.

Di Asia, ikan kelah biru ini buat masa ini disahkan hanya wujud di sungai Endau Rompin dan belum ditemui dimana-mana sungai di negara lain di dunia ini.

Jelasnya, kelah biru dijual mengikut saiz berbanding berat kerana bilangannya terhad dan hanya dijadikan ikan hiasan bukan untuk dimakan.

Biasanya, benih bersaiz 5.08 sentimeter (sm) akan dijual dua kali ganda lebih mahal daripada benih kelah

merah bersaiz sama.

Ikan kelah biru bersaiz 30.48sm boleh dijual pada harga hingga mencecah RM1,500 seekor.

Menurutnya, ikan kelah biru yang kini diternak secara komersial telah dijual kepada pembekal ikan hiasan di seluruh negara terutama dari Kuala Lumpur, Johor, Pahang, Pulau Pinang dan Kelantan.

Namun katanya, dia masih belum berupaya untuk memenuhi permintaan yang tinggi di pasaran negara Asia Timur seperti Cina dan Hong Kong kerana permintaan yang sangat tinggi.

Permintaan yang tinggi adalah disebabkan keunikan yang terdapat pada sisik dan siripnya yang berwarna kebiruan berbanding ikan kelah merah mahupun empurau di Sarawak.

Tambahnya, untuk permintaan industri perhotelan dan restoran makanan mewah untuk tetamu kenamaan, pihaknya membekalkan kelah merah yang mencecah harga RM600 sekilogram.

Dalam pada itu, Ahmad Faris mengakui, ikan kelah biru perlu terus dipelihara kerana ia adalah antara khazanah negara yang sangat berharga, bernilai amat tinggi dan dikenali sebagai Mutiara Tropika oleh negara luar.

Kini beliau terus membangunkan projek mengkomersialkan kelah biru kerana nilainya tinggi dengan melakukan pembenthan di hatcheri miliknya melalui induk-induk terbaik lebih 3,000 ekor yang dimilikinya.

How does agriculture 'feed' our nation?



Agribusinesses greatly contribute to Malaysia's economy in many ways. A healthy agriculture sector not only contributes to national income and development, but also ensures national food security, opens up employment in various supporting industries, provides raw materials for manufacturing, drives research and infrastructural development and attracts foreign exchange. Agrobank is proud to be the mandated development financial institution championing the sector since 1969, providing full chain financing for agriculture; from upstream to downstream activities.

Agrobank's end to end financial support extends across the agriculture value chain:



WE CHAMPION FOOD SECURITY FOR THE NATION



www.agrobank.com.my



www.terabank.com / Agrobank



BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD 200801010022 (811810-U)



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/11/2020	KOSMO	NEGARA	12



NORPAZLI menunjukkan sawah padi di Parit Mat Keling, Bagan Serai yang ditenggelami air sejak Jumaat lalu.

Rugi puluhan ribu anak padi rosak

BAGAN SERAI – Pesawah padi di Parit Mat Keling di sini, terpaksa menanggung kerugian mencecah puluhan ribu ringgit sekiranya anak padi yang ditanam mereka sebulan lalu musnah ditenggelami air akibat hujan lebat.

Ketua Unit Peladang Bagan Serai/Beriah, Norpazli Samad, 40, berkata, hujan lebat pada Jumaat lalu menyebabkan 10 hektar petak sawah dimiliki enam pesawah di kawasan berkenaan ditenggelami air.

"Anak padi ini akan mati jika tenggelam dalam tempoh seminggu.

"Sehingga hari ini (semalam), sudah tiga hari ia tenggelam," katanya ketika ditemui semalam.

Menurutnya, masalah sistem saliran yang tidak betul menyebabkan kejadian petak sawah ditenggelami air itu berulang sa-

ban tahun.

Norpazli menjelaskan, ekoran itu, pesawah yang terjejas bakal kerugian puluhan ribu ringgit atau industri akan kehilangan hampir 43 tan metrik padi.

Jelasnya, bagi menyelesaikan masalah tersebut, satu pam kekal perlu diwujudkan di kawasan sawah padi yang sering berlaku banjir di samping penyelesaian tuntas untuk jangka masa panjang.

Sementara itu, seorang pesawah, Maimunah Jab, 71, berkata, dia tidak sanggup untuk menanggung kerugian pada kali ini selepas padinya terkena serangan penyakit sebelum ini.

Dia yang mengusahakan satu hektar sawah padi berharap kerajaan dapat mengembalikan wang bantuan menunggu padi masak dalam usaha membantu

golongan pesawah yang terjejas kerana tanaman itu merupakan sumber pendapatan mereka.

"Musim lepas, sawah padi mak cik kena serang penyakit sehingga padi tidak menjadi dan hasilnya amat kurang. Sekarang, keadaan macam ini pula, tenggelam sebab air banjir.

"Mak cik sudah tak ada modal pusingan untuk memulakan semula tanaman," jelasnya.

Dalam pada itu, Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Perak, Datuk Sham Mat Sahat berkata, pihaknya meminta semua Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) membuat banciaan mengenai kerosakan sawah padi akibat banjir di negeri ini.

Katanya, langkah itu perlu diambil bagi membolehkan pihaknya mengemukakan permohonan bantuan daripada kerajaan.



Nelayan menaikkan tunggul kayu ketika kerja membersihkan Sungai Perak

(Foto Mohd Rashidi Yusuf/BH)

Lebih 200 nelayan ambil inisiatif jaga Sungai Perak

**Kerjasama
pastikan lubuk
rezeki bersih,
kekai jadi tarikan
pelancong**

Oleh Mohd Rashidi Yusuf
bhnews@bh.com.my

Lenggong: Menyedari kepentingan sungai yang menjadi sumber rezeki, lebih 200 nelayan di kawasan antara Empangan Kenering dan Empangan Chenderoh, dekat sini, mengambil inisiatif sendiri memastikan kebersihan sumber air itu sentiasa terpelihara.

Tambahan pula, kebanyakan nelayan darat di kawasan terbabit bergantung kepada pukat untuk menangkap ikan dan pukat terbabit boleh tersangkut jika dasar sungai dipenuhi sampah sarap, kayu atau perdu pokok dan buluh.

Ketua Jaringan Perikanan

Kampung Luat, Mohd Nor Ismail, berkata usaha kumpulan nelayan berkenaan wajar dipuji kerana prihatin menjaga kebersihan Sungai Perak yang mengalir di kawasan terbabit.

"Penjagaan sungai sepatutnya babitkan semua pihak, bukan hanya nelayan darat. Apa pun, hubungan kerjasama lebih 200 nelayan yang memastikan sungai di kawasan antara Empangan Kenering dan Empangan Chenderoh ini sentiasa bersih, perlu dipertahankan dan dipertingkatkan.

"Kawasan itu tempat kita mencari rezeki, kitalah yang perlu menjaganya, walaupun pihak lain juga mendapat manfaat daripadanya," katanya ketika ditemui.

Mohd Nor berkata, kawasan dari Kampung Gelok, Temelung, Chepor, Labit, Batu Dinding, Luat, Kota Tampan Air, Beng, Pipit, Cherakoh hingga Kuak berada dalam lingkaran Lembah Lenggong.

Beliau memaklumkan, Lembah Lenggong pula diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Kebu-

dayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Selain itu, katanya, kawasan itu juga sumber rezeki nelayan darat yang menggunakan pukat hanyut, pukat tahan, jala dan bubu atau melanggai serta merawai untuk menangkap ikan.

"Keindahan pemandangan di sini juga menjadi tarikan pelancong. Justeru, wajarlah masyarakat awam turut sama-sama membantu menjaga sungai agar kebersihan dan keindahan ini tidak terjejas.

"Kepada penduduk berhampiran sungai, janganlah jadikan sungai tempat buang sampah sarap, bangkai binatang dan sebagainya. Jika tebang pokok, tebas hutan, janganlah buang ke dalam sungai.

"Sungai bukan perigi buruk tempat sampah sarap dibuang. Kami sering lihat peladang sawit buang pelepah sawit ke dalam sungai dan sering juga individu tertentu dilihat membuang sampah dari atas Jambatan Sungai Perak di Kampung Luat ke dalam sungai," katanya.

Monsoon woes for farmers

KUALA LUMPUR: Farmers are seeing a 40% to 50% drop in vegetable production due to the monsoon season.

The steep decline has put farmers in a fix as their operating costs such as manpower, electricity, water and fertilisers remained the same.

Cameron Highlands Agriculture Chairman Association Ng Tien Hua told theSun said farmers were producing about 70 metric tonnes of vegetables daily before the current wet spell, but harvest has dropped to about 50 metric tonnes now.

"The unpredictable weather has impacted farmers who are reaping lower yield and this is expected to continue for some time," he said, adding that farmers would not want to risk planting too much during the rainy season.

"The yield is lower due to lack of sunlight and warmth needed."

Ng added that large-scale farms are more affected due to their high overhead costs.

OA Organik managing director Kon Onn Sein said leafy vegetables such as spinach and *kailan* are low in yield.

"This is because of the heavy rain that causes shock on the plants," he said.

"We expect a loss in yield of 50%, and this translates to their income being reduced too. We expect the loss to carry on until January."

Nelayan tradisional tidak turun ke laut

Oleh **ZULKIFLI HUSSIN**

PASIR PUTEH: Sebahagian besar nelayan tradisional tidak turun ke laut berikutan amaran cuaca buruk yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia (Met-Malaysia).

Pengerusi Persatuan Nelayan Bachok, Saripudin Ishak berkata, hampir 700 nelayan pantai di Bachok tidak turun ke laut bagi mengelak kejadian yang tidak diingini berlaku.

"Kalau nak turun mesti secara kumpulan jika berlaku perkara buruk bot yang lain boleh membantu termasuk menundanya ke pantai," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Kata beliau juga dalam tempoh November sehingga Mac tahun depan mereka boleh menggunakan wang Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan Elaun Sara Hidup Nelayan sebagai perbelanjaan dapur.

Oleh itu katanya masa yang terluang digunakan membaik pulih bot yang dan memastikan enjinnya dalam keadaan baik sebagai persediaan untuk turun semula apabila laut kembali tenang.

Ketua Jaringan Perikanan Pasir Puteh, Mohd Rosdi Mat pula berkata, 37 nelayan tradisional yang mempunyai bot kayu tidak turun ke laut sebagai

mematuhi amaran cuaca buruk sekarang.

Katanya, hanya 10 bot yang mempunyai enjin kuasa tinggi turun menangkap udang dan ketam di kawasan pesisir pantai.

Sementara itu, Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan, Kapten Maritim Muhd Nur Syam Asmawie Yaacob berkata, masih ada bot C2 yang turun ke laut menangkap ikan.

Oleh itu beliau menasihatkan mereka mematuhi peraturan keselamatan terutama sentiasa memakai jaket, keadaan bot berada dalam keadaan sempurna, bekalan makanan dan minyak yang mencukupi.



Nelayan membaiki jala ketika musim tengkujuh.

23/11/2020

UTUSAN
MALAYSIA

DALAM NEGERI

13

100 pesawah rugi RM500,000

Bendang tenggelam kali ketiga

Oleh MOHD. HAFIZ ABD.
MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

ARAU: Tidak sampai dua bulan mengusahakan tanaman padi, kira-kira 100 pesawah dari Kampung Oran, Mata Ayer di sini berdepan dugaan besar apabila kawasan bendang seluas 81 hektar itu tenggelam sehingga paras pinggang berikutan air dari Sungai Ngulang berhampiran melimpah masuk ke kawasan terabit.

Pesawah mendakwa, kerja-kerja penyelenggaraan sungai tersebut menyebabkan sisa-

sisa sampah tersangkut pada pintu tandap sekali gus menyebabkan air tersekat seterusnya melimpah masuk ke kawasan bendang berhampiran.

Berikutan itu, pesawah terabit mendakwa mengalami kerugian kira-kira RM500,000 selepas hasil tanaman mereka itu berkemungkinan musnah sepenuhnya.

Seorang pesawah, Zulhairi Mat Zain, 48, berkata, dia mengalami kerugian hampir RM48,000 selepas tanaman padi di kawasan seluas enam hektar miliknya itu ditengge-

mi air.

Lebih menyedihkan katanya, dalam musim ini sahaja sudah tiga kali kawasan sawahnya tenggelam bagaimanapun sebelum ini tanaman masih dapat diselamatkan.

"Rasa sedih sangat apabila pagi ini datang lihat kawasan sawah semuanya tenggelam. Hasil penat-lelah mengusahakan tanaman padi yang baharu masuk hari ke-45 musnah dalam sekelip mata sahaja.

"Sistem perparitan kurang memuaskan itu menyebabkan setiap kali hujan lebat padi di kawasan ini tenggelam. Pihak bertanggungjawab perlu melihat perkara ini," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Seorang lagi pesawah, Azuzin Saad, 58, berkata, kerja-kerja penyelenggara yang sedang dilakukan di sungai berhampiran menyebabkan sisa-sisa sampah, kayu dan sebagainya tersangkut pada pintu tandap.

"Apabila sangkut, air tidak

dapat mengalir seterusnya melimpah ke kawasan bendang. Kami berserah pada takdir sama ada padi masih boleh diselamatkan atau sebaliknya," katanya yang mengalami kerugian lebih RM12,000.

Mohd. Asri Dali, 52, pula berkata, luluh hatinya apabila melihat keseluruhan kawasan sawahnya tenggelam sewaktu datang untuk menyulam padi pada sebelah pagi ini.

"Padi ini baru diusahakan sejak 45 hari lalu dan kini semuanya tenggelam menyebabkan pesawah di sini terjejas teruk.



TIDAK sampai dua bulan mengusahakan tanaman padi, kira-kira 100 pesawah mengalami kerugian ratusan ribu ringgit selepas sawah mereka tenggelam berikutan air sungai berhampiran melimpah masuk ke kawasan bendang tersebut. Pesawah menunjukkan bendang yang tenggelam sehingga paras pinggang di Kampung Oran, Mata Ayer, Perlis hari ini. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

10 hektar sawah rosak

BAGAN SERAI: Kira-kira 10 hektar kawasan sawah di Parit Mat Keling di sini ditenggelami banjir sejak tiga hari lalu menyebabkan anak padi berusia sebulan dikuatiri rosak.

Seorang pesawah, Norpazli Samad, 40, berkata, banjir menenggelamkan anak padi ekoran air melimpah masuk ke dalam petak sawah padi di kawasan berkenaan.

Menurutnya, hujan lebat dan sistem saliran yang tidak sempurna menyebabkan kejadian itu berlaku setiap tahun.

"Sekiranya pucuk anak padi ini ditenggelami air hampir seminggu atau air menjadi keruh yang menyebabkan anak padi tidak menerima cahaya matahari, anak padi ini akan mati," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Norpazli yang juga Ketua Unit Peladang Bagan Serai dan Berlah

berkata, pesawah yang terjejas mungkin kerugian berpuluh ribu ringgit atau kehilangan hampir 43 tan metrik padi di kawasan seluas 10 hektar sawah yang ditenggelami banjir.

Katanya, berikutan itu pesawah yang terlibat berharap kerajaan dapat membantu dari segi kewangan kerana pesawah sudah kehabisan modal yang telah digunakan semasa menanam padi musim baharu.

"Jika tiada bantuan, pendapatan pesawah musim ini akan terjejas malah ia juga akan menjejaskan hasil padi di daerah Kerian musim ini," katanya.

Norpazli juga mencadangkan agar satu unit pam air kekal diwujudkan di kawasan sawah padi yang sering berlaku banjir untuk mengatasi masalah tersebut.

"Selain itu pihak berkenaan perlu mencari jalan penyelesaian

jangka panjang untuk mengelak masalah ini berlaku lagi," katanya.

Seorang lagi pesawah, Maimunah Jab, 71, berkata, sawah padi seluas satu hektar yang diusahakannya juga ditenggelami banjir.

Menurutnya, dia sudah tidak mempunyai modal untuk menanam semula benih padi baharu.

"Jika diberikan benih baharu untuk tanaman semula, sudah tentu petak sawah saya tidak sama dengan jadual menanam yang sepatutnya dan ini sudah tentu menyukarkan saya," katanya.

Maimunah berharap kerajaan membantu pesawah yang terjejas akibat banjir di daerah ini.

"Saya berharap kerajaan dapat mengembalikan wang bantuan menunggu padi masak kerana bantuan itu amat diperlukan ketika ini," katanya.



NORPAZLI Samad menunjukkan sawah yang ditenggelami banjir di Bagan Serai hari ini. - UTUSAN/ WAT KAMAL ABAS

23/11/2020

BERITA
HARIAN

NASIONAL

18

Cuaca buruk, hujan lebat dijangka berterusan

Lebih banyak
kawasan
dikhuatiri berisiko
ditenggelami air

Oleh Suzalina Halid, Hassan
Omar, Balqis Jazimah
Zahari, Amir Mamat
dan Nurul Aminah Suhaini
bhnews@bh.com.my



**Amaran tahap
kuning juga
dikeluarkan di beberapa
daerah di Kedah,
Perak, Johor, Kelantan
dan Terengganu.**

Jallan Simon,
Ketua Pengarah METMalaysia

Kuala Lumpur: Cuaca buruk tahap kuning dan jingga berpunca hujan lebat di kebanyakan negeri pantai barat dan timur Semenanjung, dijangka berterusan hingga hari ini.

Dalam tempoh sama, angin kencang barat laut dan timur laut selaju 40 hingga 50 kilometer sejam (km/jam) dengan ombak mencapai 3.5 meter, dijangka membadai perairan Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kelantan dan Terengganu.

Kegiatan itu dijangka boleh mencetuskan risiko limpahan air laut di pesisir pantai dan muara sungai sekitar kawasan terbabit.

Dalam kenyataannya, Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) mengeluarkan amaran cuaca buruk tahap jingga dengan hujan lebat dijangka berterusan di beberapa daerah di Kedah dan Perak serta seluruh Perlis hari ini.

Daerah terbabit dengan amaran tahap jingga itu ialah Kubang Pasu, Padang Terap, Sik, Baling, Kulim

dan Bandar Baharu di Kedah; Kerian, Larut, Matang dan Selama serta Hulu Perak di Perak.

Ketua Pengarah METMalaysia, Jallan Simon, berkata amaran waspada tahap kuning susulan hujan lebat dijangka berlaku hari ini di seluruh Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka dan Pulau Pinang.

Katanya, amaran tahap kuning juga dikeluarkan di beberapa daerah di Kedah, Perak, Johor, Kelantan dan Terengganu.

"Keadaan hujan berterusan sedang berlaku di negeri pantai barat



Semenanjung. Sehubungan itu, amaran cuaca waspada atau kuning yang dikeluarkan pada Sabtu dikemaskini dan dinaik taraf untuk beberapa daerah di Kedah dan Perak, selain seluruh Perlis.

"Selain itu, pertambahan kawasan amaran cuaca waspada atau kuning berkuat kuasa sehingga esok (hari ini) dikeluarkan untuk kawasan Babu Pahat, Pontian dan Johor Bahru di Johor," katanya.

Keseluruhan daerah berada dalam amaran waspada tahap kuning ialah Langkawi, Kota Setar, Pokok Sena, Yan, Pendang dan Kuala Muda di Kedah.

Di Perak, membabitkan Kuala Kangsar, Manjung, Kinta, Perak Tengah, Kampar, Bagan Datuk, Hilir Perak, Batang Padang dan Muar.

Johor pula membabitkan Tangkak, Segamat, Muar, Batu Pahat, Pontian dan Johor Bahru.

Antara jajahan Kelantan terbabit amaran ini ialah Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Jeli, Tanah Merah, Bachok, Machang, Pasir Puteh dan Kuala Krai.

Di Terengganu membabitkan Besut, Setiu, Kuala Nerus, Hulu Terengganu, Kuala Terengganu dan Marang.

Sementara itu, banjir akibat hujan lebat yang melanda beberapa negeri sejak Jumaat lalu, menyebabkan mangsa mengalami kerugian besar, akibat kemusnahan harta benda yang tidak dapat diselamatkan.

Selain penduduk terpaksa berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS), banyak kawasan pertanian diusahakan mereka tenggelam dan kini digenangi air yang sukar surut, walaupun cuaca di sesetengah lokasi terjejas cerah semalam.

Premis awam seperti sekolah di

kawasan terjejas banjir, turut mengalami kerosakan harta benda yang tidak sempat dialihkan kekitangannya.

Meskipun di sesetengah lokasi terjejas banjir, penduduk mulai dibenarkan pulang kerana air sudah surut dengan beberapa PPS sudah ditutup.

Namun, keadaan cuaca yang masih tidak menentu dengan ramalan hujan lebat dijangka melanda hampir semua negeri seluruh Semenanjung dalam tempoh terdekat ini, meletakkan kawasan rendah berisiko dilanda banjir.

Di Perak, Jurucakap Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri berkata, banjir kilat melanda empat daerah bertambah baik dengan jumlah mangsa berkurangan daripada 736 pada jam 6 pagi kepada 194 orang setakat petang semalam.

"Empat PPS ditutup membabit-



Sebahagian mangsa yang banjir diptindahkan di PPS Ayer Molek, semalam.
(Foto Nazri Abu Bakar/BH)



Antara mangsa banjir di PPS SK Partit Haji Aman, Bagan Serai.

23/11/2020

BERITA
HARIAN

NASIONAL

19



Pemandangan dari udara kawasan dinaiki air di Nibong Tebal, semalam.
(Foto Ihsan MRT)

kan tiga di daerah Larut, Matang dan Selama (LMS) iaitu Masjid Toh Paduka, Ijok; Dewan Sema Bakti, Felda Ijok dan dewan orang ramai Kampung Sungai Ara, Batu Kurau, membolehkan 522 mangsa pulang ke rumah masing-masing.

"Sebuah lagi PPS dihutur di Hilir Perak, iaitu Dewan Majlis Perbandaran Teluk Intan dengan 15 mangsa banjir pulang ke rumah masing-masing," katanya.

Berikutan itu, kini hanya ada dua PPS masih beroperasi, iaitu Sekolah Kebangsaan Parit Haji Aman di Bagan Serai, daerah Kerian yang menempatkan 152 penduduk tujuh kampung.

Sebuah lagi PPS masih dibuka ialah Sekolah Rendah Agama Rakyat Ngah Ibrahim, Matang dalam daerah LMS menempatkan 42 mangsa banjir.

Banjir yang melanda Perak menyebabkan 1,000 hektar sawah da-

sawah terjejas," katanya.

Di Melaka, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Sulaiman Md Ali, mengingatkan semua mangsa banjir yang berpindah ke PPS, agar sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) pencegahan penularan COVID-19.

Ini termasuk sentiasa memakai pelitup muka sepanjang berada di PPS, selain hanya makan makanan bertungkus disahkan selamat Bahagian Kualiti dan Keselamatan Makanan, Jabatan Kesihatan Melaka yang diagihkan kepada mereka.

Setakat jam 6 petang semalam, mangsa banjir di Melaka, meningkat kepada 488 orang membabitkan enam PPS seluruh negeri.

Penduduk Kampung Belimbing Dalam, Durian Tunggal, Md Som Dol, 63, berkata rumahnya dan beberapa penduduk lain masih digenangi banjir, ketika kebanyakan rumah sudah surut sepenuhnya di situ, pagi semalam.

Katanya, Kampung Belimbing Dalam adalah di antara penempatan sering dilanda banjir, senasib Kampung Pulau dan Panchor, yang terletak berhampiran.

Katanya, tiga kampung itu terletak di kawasan rendah yang mualah mengalami banjir akibat limpahan air sungai berhampiran setiap kali hujan lebat berterusan selama beberapa hari.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Durian Tunggal, S Chandru, berkata banjir menyebabkan sekolah itu kemusnahan pelbagai peralatan sekolah bernilai lebih RM200,000 selepas ditenggelami air sedalam satu meter.

Selain kerusi dan meja murid, turut musnah ialah perabot, peralatan sukan dan komputer berikutan limpahan air anak sungai berdekatan pada malam Khamis lalu hanya surut pada lewat petang kelmarin.

Di Johor, seramai 155 mangsa membabitkan 40 keluarga berpindah malam kelmarin, dibenarkan pulang semalam, namun sembilan mangsa daripada dua keluarga baharu dipindahkan ke Pusat Komuniti Kampung Pasir, susulan hujan lebat jam 3 petang semalam.



Pasukan penyelamat memindahkan mangsa banjir di kawasan Ijok, semalam.
(Foto Ihsan APM Perak)

Kedudukan banjir di Kampung Parit Mahang Jeram Kuala Selangor, semalam.



Zaiton Tukimon mengangkat barang selepas rumahnya dinaiki air di Kampung Parit Mahang Jeram, Kuala Selangor, semalam.
(Foto Mubda Rayat Awa/BH)



Pesawah menurunkan sawah mereka digenangi air di Parit Air Itam, Bagan Serai, semalam.
(Foto Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi/BH)